

Najib Isytihar Operasi Daulat Berakhir Beberapa Hari Lagi, Fungsi Diambil Alih ESSCOM
Bernama
13 April, 2013

LAHAD DATU, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengisytiharkan bahawa Operasi Daulat yang diwujudkan sejak 5 Mac lepas bagi menangani insiden pencerobohan pengganas dari Filipina di pantai timur Sabah akan berakhir beberapa hari lagi.

Katanya operasi kepolisan dan ketenteraan bagi menghapuskan pengganas itu akan diteruskan di bawah Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

"Kita dapat bersama di majlis yang begitu bersejarah dan bermakna di Felda Sahabat ini, sebuah kawasan yang menjadi perhatian seluruh negara dalam masa beberapa minggu. Pada mulanya, cadangan saya datang untuk isytiharkan supaya ataupun bahawa Operasi Daulat sudah berakhir.

"Sebaliknya, kalau saya berbuat demikian ia mungkin memberi gambaran yang kurang tepat. Hakikat sebenarnya Operasi Daulat akan berakhir tetapi segala tindakan polis dan ketenteraan yang perlu diambil, yang perlu dilakukan, sehingga setiap orang sama ada pengganas atau pun tali barut mereka dapat dihapuskan sama sekali.

"Tindakan-tindakan selanjutnya akan dilakukan selepas ini di bawah pemerintahan ESSCOM yang mengambil alih semua operasi bersepadu di kawasan Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE)," katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Penghargaan Operasi Daulat di Dewan Desa Kencana, Felda Sahabat 16 di sini Sabtu.

Majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain dan Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar.

Pada majlis itu, Najib sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia akan menggunakan seluruh kekuatan yang ada untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan serta keutuhan wilayahnya berpandukan pelebagaan dan undang-undang negara.

Hakikatnya, kata beliau, negeri Sabah semenjak 16 Sept 1963 dengan keputusan serta sokongan majoriti besar rakyat negeri itu telah menyatakan bahawa mereka ingin supaya Sabah merdeka dalam Malaysia.

"Maka saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa hakikat dan fakta ini akan kekal selama-lamanya. Tiada sesiapa pun sama ada pihak luar mahupun dalam negara akan dibenarkan mengganggu-gugat hakikat ini," katanya.

Katanya sejak peristiwa pencerobohan bersenjata pada 12 Feb lepas Malaysia bertindak dengan berhemah tetapi tegas yang akhirnya berjaya menumpaskan ancaman kumpulan bersenjata berkenaan.

Najib berkata walaupun penganas berjaya ditumpaskan namun 10 anggota keselamatan, lapan daripadanya anggota polis dan dua anggota tentera, turut terkorban dalam operasi itu.

"Saya masih tak lupa nada sebak ketika saya menyambut ketibaan jenazah-jenazah mereka, sebagai pemimpin negara. Jasa wira-wira ini sudah tentu tidak akan saya lupa sampai bila-bila.

"Anak-anak mereka kehilangan tempat bermanja, isteri mereka kehilangan seorang suami tercinta, bagi rakyat Malaysia dan negara kita, kita kehilangan anak bangsa yang teguh berjuang demi kedaulatan agama bangsa dan negara," katanya.

Menurut Najib beliau, anggota keselamatan dan seluruh rakyat Malaysia berikrar bagi memastikan pengorbanan anggota keselamatan berkenaan tidak akan sia-sia.

"Kita menyokong dan berdoa moga Allah SWT sentiasa melindungi pasukan keselamatan kita. Terima kasih... perjuangan mereka akan kita ingat, terakam dalam lipatan sejarah negara kita. Kalau suatu ketika dahulu peristiwa Bukit Kepong dengan peristiwa Leftenan Adnan dalam sejarah, kini kita tidak lupakan peristiwa Lahad Datu dan Semporna selama-lamanya," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941834>